

Berita Bandaraya

Berita Bandaraya boleh dilayari di www.dbkl.gov.my

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR



Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu berusaha untuk memberi perkhidmatan yang terbaik, cekap dan berkesan kepada semua pihak yang mempunyai kepentingan sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada bandar raya seperti yang terkandung di dalam manifesto pilihan raya Barisan Nasional.

YB Tan Sri Hj Mohd Isa yang baru dilantik sebagai Menteri Wilayah Persekutuan bagi Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya pada jawatan yang pertama ke DBKL pada 1 April 2004 bersamaan dengan hari Khamis berkata "Orang ramai, pengguna dan semua yang mempunyai kepentingan di bandar raya ini dan seluruh negara amat mengharapkan agar kerajaan akan menunaikan janjinya untuk memberikan satu kerajaan yang cekap dan telus pada rakyatnya". YB Tan Sri Hj Mohd Isa dan rombongan telah diberi sambutan tradisional diiringi dengan silat dan tarian selamat datang.

YB Tan Sri Hj Mohd Isa juga menggesa agar semua pegawai-pegawai

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur membaca manifesto pilihan raya Barisan Nasional. Ini perlu untuk memahami aspirasi dan kehendak kerajaan agar segala objektif yang terkandung dalam manifesto itu menjadi realiti.

Perkhidmatan yang cekap dan berkesan adalah 'pendekatan baru' dan beliau berharap agar tiada sesiapa membantah pendekatan ini. Beliau juga meminta agar semua kakitangan kerajaan memastikan hala tuju dan objektif mereka selaras dengan kehendak kerajaan.

Penekanan perlu untuk perkhidmatan yang cekap dan berkesan - YB Tan Sri Hj. Mohd. Isa

YB Tan Sri Hj Mohd Isa menekankan bahawa bukan sahaja pihak yang berkepentingan di bandar raya mengharapkan kerajaan menunaikan janjinya tetapi seluruh rakyat Malaysia.

Dalam lawatan yang sama, YB juga mengingatkan para pegawai DBKL

bahawa beliau tidak akan bertolak ansur pada pegawai-pegawai yang didapati bersalah kerana rasuah, tidak kira bagaimana tingginya jawatan mereka dalam kerajaan. Pegawai-pegawai yang terbukti melakukan rasuah akan dilaporkan kepada Jawatankuasa Etika dan Integriti yang telah ditubuhkan di Dewan Bandaraya untuk tindakan selanjutnya.

YB turut menyuarakan rasa prihatinnya terhadap deretan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kuala Lumpur seperti masalah kesesakan, banjir, setinggan, pembuangan sampah, penjaja-penjaja dan pelbagai masalah sosial yang lain dan meminta DBKL menetapkan tempoh tertentu untuk menyelesaikan masalah-masalah ini.

Pada masa yang sama juga, YB juga menekankan betapa pentingnya



YB Tan Sri Hj. Mohd Isa semasa melawat Bilik Model Bandaraya Kuala Lumpur - Gambar Berita Bandaraya

Dari Meja Datuk Bandar



Adanya kecenderungan untuk usaha yang lebih mampan dengan input yang lebih segar, semangat untuk bekerjasama dan pertambahan kapasiti pembinaan beserta kerja keras untuk memastikan segala janji-janji yang dibuat oleh kerajaan semasa pilihanraya yang lepas ditunaikan selaras dengan kata-kata Perdana Menteri Malaysia, YB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi “Bekerja bersama saya untuk mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan.”

Ketika kita masih seronok dengan semangat yang berkobar-kobar rentetan daripada kemenangan besar kerajaan yang memerintah boleh dirasakan lagi di sekeliling kita, sewajarnya setiap seorang daripada kita mesti meletakkan ‘shoulder to the wheel’ dan membantu menggerakkan jentera kerajaan dengan kekuatan jasmani yang tegar, semangat, ketelusan dan rasa tanggungjawab.

YB Tan Sri Hj Mohd Isa Bin Dato’ Hj Abdul Samad, Menteri Wilayah Persekutuan bagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan yang baru dilantik menegaskan kepada pegawai-pegawai kanan DBKL di mesyuarat tertutup pada 1 April 2004 akan pentingnya kerja keras, komitmen, kerja berpasukan, kejujuran dan kemampuan untuk memberi perkhidmatan kepada rakyat.

Mandat yang kukuh telah diberikan oleh rakyat kepada Barisan Nasional diiringi dengan harapan besar bahawa kerajaan termasuk DBKL akan menunaikan segala janji yang diberikan. Pertukaran kakitangan DBKL yang berkuatkuasa pada 1 April 2004 juga adalah selaras dengan kehendak ini.

Para pegawai yang tidak menyerlah prestasinya sebelum ini telah diarahkan supaya memperbaiki prestasi mereka. Proses penyelarasan semula telah dibuat dan proses ini akan dijalankan secara berterusan di mana pegawai-pegawai DBKL akan ditempatkan berdasarkan kepada bakat dan produktiviti masing-masing dengan harapan ia boleh diperkembangkan dengan sebaik mungkin.

Seperti yang telah ditegaskan oleh Menteri Wilayah Persekutuan, tiada tempat untuk pegawai yang didapati bersalah kerana rasuah. Kakitangan DBKL yang berjumlah 8,698 orang perlu sedar bahawa gaji dan segala kemudahan serta faedah-faedah yang mereka nikmati sebagai kakitangan awam datangnya daripada rakyat melalui cukai-cukai yang dibayar setiap tahun. Sesiapa yang tidak boleh kerja sedara berpasukan (seperitua sebuah pasukan) tiada tempat di agensi yang berorientasikan perkhidmatan seperti DBKL.

Menteri Wilayah Persekutuan juga telah mengingatkan kita bahawa pihak kita tidak akan bertolerasi terhadap mana-mana individu yang gagal melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai kakitangan awam, ponteng taat, atau sebagai sebab yang mendasabab, berpura-pura sakit untuk melarikan diri daripada tugas dan rasuah. Kita mempunyai tugas yang perlu dijalankan dan sekarang kita akan melakukannya secara berpasukan.

Dari muka depan

mewujudkan kampung tradisional yang ada di Kuala Lumpur. YB akan melawat sendiri kampung-kampung ini untuk melihat dan mendengar masalah-masalah yang dihadapi.

Semasa meluaskan pandangannya terhadap isu pembuangan sampah di Kuala Lumpur, YB menyatakan bahawa ‘incineration’ ialah idea yang baik. Walau bagaimanapun, bilangan lori yang banyak berulang-alik ke tempat itu dikhawatirkan akan menimbulkan masalah terutama kepada penduduk berhampiran.

Kuala Lumpur menghasilkan lebih kurang 3,000 tan sampah setiap hari dan berikutan penutupan tempat pembuangan sampah di Taman Beringin pada akhir tahun ini, pastinya masalah ini akan menjadi bertambah serius. Oleh itu, YB menggesa agar DBKL mencari alternatif yang sesuai termasuk mencari lokasi baru untuk pembuangan sampah.

YB turut menarik perhatian terhadap keadaan flat-flat terutama di Jalan Pekeliling yang uzur dan mencadangkan agar flat-flat ini dicat semula. Beliau juga mahukan alat-alat permainan di taman permainan sentiasa di dalam keadaan baik dan selamat untuk kegunaan kanak-kanak.

Selain itu, YB menegaskan agar lebih banyak penyeretaan bumiputera dalam pembangunan ekonomi dan aktiviti ekonomi di Kuala Lumpur. Beliau meminta agar DBKL ‘menjaga’ peniaga-peniaga Bumiputera ini yang sentiasa memerlukan DBKL dalam meningkatkan taraf ekonomi dan kewangan mereka.

Di samping itu, YB juga turut menyentuh isu perkhidmatan pengangkutan awam terutama bas-bas di Kuala Lumpur yang sering menjadi rungutan warga KL. Beliau berharap agar formula penyelesaian akan diperolehi setelah industri pengangkutan diambil alih sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

Untuk mengatasi masalah sosial, beliau berharap agar Bahagian Penguatkuasaan DBKL akan lebih berkemahiran dan ‘mesra’ serta bekerjasama dengan agensi-agensinya kerajaan lain termasuk JAKIM. Beliau mahukan pendekatan yang lebih mesra serta bertimbangrasa sekaligus berhati-hati dalam melaksanakan tugas tersebut. DBKL disarankan supaya membangunkan lebih banyak pusat kaunseling di pusat-pusat membeli-belah kerana ia lebih mudah untuk dikunjungi.

Berkenaan banjir di Kuala Lumpur, YB akan melawat kolam-kolam takungan banjir seperti di Setapak Jaya, Air Panas dan Kg Boyan sebagai langkah untuk menahan kapasiti air semasa hujan lebat dan mengkaji langkah-langkah pencegahan banjir lain yang telah dan sedang diambil untuk lebih memahami keadaan semasa.

Terdahulu, Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran), Datuk Halijah Othman, Tuan Haji Mhd. Amin Nordin, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dan Tuan Hj Salleh Bin Yusup, Timbalan Ketua Pengarah (Perkhidmatan) telah memberi penerangan ringkas kepada YB tentang struktur pentadbiran DBKL serta fungsi-fungsi setiap jabatan.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Datuk Zulhasnan Bin Mohd Rafique, Setiausaha Parlimen, YB Encik Yew Teong Look, Datuk Bandar, Datuk Mohamad Shaid Bin Mohd Taufek dan Ketua Pengarah DBKL, Datuk Ruslin Bin Hassan turut sama dalam sesi penerangan tersebut. Selain daripada mereka, ketua-ketua jabatan DBKL turut menyertai sesi ini.

Selepas itu, YB dan rombongannya telah dibawa melawat ke bilik Pusat Maklumat Trafik dan Bilik Model Bandaraya Kuala Lumpur.

DEKLARASI KL INDAH 2004

Menyedari bahawa DBKL sedang berusaha ke arah menjadikan Kuala Lumpur sebuah Bandaraya Bertaraf Dunia menjelang tahun 2020 dengan menghadapi pelbagai cabaran bagi mewujudkan menghadapi kualiti hidup bandar yang tinggi serta perubahan cita rasa dan aspirasi wargakota yang meningkat ditambah dengan tuntutan globalisasi yang hebat serta menyahut hasrat kerajaan untuk menjadikan Kuala Lumpur Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

Justeru itu, DBKL telah menganjurkan Bengkel Tindakan Menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur Bersih, Kemas dan Indah pada 15 April hingga 17 April 2004 di Port Dickson, Negeri Sembilan Darul Khusus yang melibatkan 200 orang kakitangan pelbagai jabatan dan peringkat. Bengkel tersebut telah membentuk satu persetujuan iaitu Deklarasi KL Indah 2004 yang mengandungi perkara-perkara seperti:

Pertama:
Meningkat dan melipatgandakan usaha yang melibatkan penyertaan semua golongan masyarakat wargakota untuk bersama-sama merealisasikan Bandaraya Kuala Lumpur Bersih, Kemas dan Indah;

Kedua:
Menggemblengkan segala tenaga kerja dan sumber yang sedia ada bagi menghasilkan gerak kerja dalam menyampaikan perkhidmatan perbandaran yang terbaik untuk memenuhi aspirasi wargakota, menikmati kehidupan berkualiti;

Ketiga:
Meningkatkan kesedaran wargakota termasuk anggota Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mencintai dan melindungi persekitaran Kuala Lumpur yang selamat dan selesa melalui tindakan bersepadu dilaksanakan secara berterusan;



Keempat:
Memastikan pentadbiran yang baik dalam jabatan dengan memberi keutamaan kepada sistem pentadbiran dan ketelusan proses yang sedia ada serta menghapuskan amalan tidak sihat dalam organisasi;

Kelima:
Bersama-sama berusaha mengurangkan karenah birokrasi dalam



pentadbiran melalui penambahbaikan ke atas sistem dan prosedur kerja secara berterusan dengan menggunakan kemudahan teknologi terkini selari dengan perubahan masa;

Keenam:
Membentuk penanda aras bagi setiap aktiviti yang dijalankan dan menyeragamkan kerja serta menentukan piawaian yang boleh diterima oleh warga kota;

Ketujuh:
Menjalinkan dan meningkatkan kerjasama di dalam dan antara jabatan melalui penyelarasan kerja yang sistematik serta teratur dan membuka seluas-luasnya ruang saluran komunikasi dari atas ke bawah serta maklum balas yang tersusun dari bawah ke atas yang melibatkan pelbagai peringkat melalui sistem pemantauan yang berkesan;

Kelapan:
Membentuk dan merangsang sikap dinamik dan pragmatik selari dengan perubahan perbandaran yang sentiasa menuntut komitmen daripada semua pihak yang berkepentingan;

Kesembilan:
Mewujudkan budaya kerja cemerlang yang penuh dengan nilai-nilai kemanusiaan, keikhlasan, moral dan akhlak yang tinggi, bertanggungjawab, beriltizam, teliti, bersopan yang perlu dimiliki oleh kakitangan dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada warga kota;

Kesepuluh:
Menerapkan dan memantapkan nilai-nilai murni di kalangan anggota Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dari segi prinsip, kepercayaan dan tingkah laku yang sekali gus akan menjalinkan hubungan mesra antara satu sama lain yang akhirnya menghasilkan satu pasukan kerja yang dapat berkerjasama dan berkomunikasi secara teratur dan bersungguh-sungguh dalam menjalankan tugas; dan

Kesebelas:
Untuk bersama-sama membentuk dan meningkatkan sikap positif, bertimbang rasa, amanah, jujur, bertanggungjawab, saksama, tolong-menolong dan bertolak ansur di samping menampilkan ciri-ciri kepimpinan yang baik untuk menjadi teladan serta amalan semua.